

10 SEP 1999

KONGRES-MUSTAPA

KPU, DPMM BERTINDAK TINGKATKAN PENGLIBATAN BUMIPUTERA DALAM NIAGA

RUNCIT

KUALA LUMPUR, 10 Sept (Bernama) -- Kementerian Pembangunan Usahawan dan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) akan mengadakan satu tindakan susulan bagi mempertingkatkan lagi pembabitan Bumiputera dalam bidang peruncitan.

Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed berkata ini amat penting memandangkan penglibatan Bumiputera dalam bidang ini masih lagi di tahap yang paling rendah, khususnya di bandar-bandar besar.

"Kita akan kaji apa yang menyebabkan sukar bagi mereka (Bumiputera) menguasai bidang ini dan dengan kajian susulan ini kita mengharapkan kehadiran Bumiputera di bandar besar, terutamanya di pusat beli-belah dapat ditingkatkan," katanya di sidang media selepas perasmian Kongres Ekonomi Keempat (KEB-4).

Kongres yang bertemakan "Cabaran Milenium Baru" itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Terdahulu dalam sesi dialog yang diadakan dengan usahawan-usahawan Bumiputera, Perdana Menteri melahirkan rasa kecewanya dengan sambutan dingin usahawan Bumiputera dalam bidang peruncitan.

"Kita dapati Bumiputera tidak punya minat dan mereka mempunyai pendapat bidang ini tidak dapat memberi keuntungan yang besar.... dan kerap kali bila memasuki bidang ini, mereka gagal," kata Dr Mahathir.

Dengan itu, Dr Mahathir berharap pihak-pihak berkenaan dapat mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh Bumiputera ini dan memberi jaminan kerajaan akan melakukan yang terbaik sebaik sahaja mendapat maklumat atau maklum balas yang tepat.

Mustapa juga menyentuh tentang saranan Dr Mahathir supaya diadakan satu kajian terperinci mengenai kesan kegawatan ekonomi ke atas usahawan-usahawan Bumiputera.

"Pihak kementerian, DPMM dan Universiti Malaya telah membuat kajian ini setahun yang lepas. Kita akan terus mengemaskini segala data yang ada dan melalui kajian ini, kita akan merangka sesuatu bagi persediaan Bumiputera dalam menghadapi cabaran di masa depan," katanya.

Ditanya kemungkinan KEB-4 yang dilancarkan hari ini akan mencadangkan satu dasar khusus untuk melindungi kepentingan Bumiputera dalam menghadapi tekanan globalisasi, beliau berkata:

"Saya tidak mahu sebarang andaian, tetapi melalui perbincangan yang diadakan sebelum ini, saya yakin perkara ini akan dibangkitkan. Samada ia akan dijadikan resolusi kongres, kita kena tunggu."

Beliau turut menambah, kejayaan yang dinikmati oleh Bumiputera sekarang ini tidak akan terhasil tanpa penglibatan kerajaan.

"Hari ini, kita mendapat jaminan yang kerajaan Barisan Nasional akan meneruskan bantuan kepada Bumiputera. Ini satu janji yang amat melegakan kerana dalam menghadapi dunia alaf baru, kita masih lemah dalam beberapa bidang yang lain, khususnya bidang perakauan," kata Mustapa.

Dengan penerusan dasar-dasar kerajaan ini, Mustapa yakin kekayaan negara dapat diagihkan secara sama rata. -- BERNAMA

AA JR